

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN HAJI MUSA [KETEREH]**

SOALAN NO. 52

minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan berapakah syarikat Malaysia yang terlibat dengan pembakaran hutan di luar negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Mengenai maklumat syarikat atau individu Malaysia yang mungkin penyebab kepada jerebu merentas sempadan, pihak MESTECC telah mengutuskan beberapa surat kepada pihak Indonesia untuk mendapat maklumat tersebut tetapi belum mendapat balasan.

Pada 11 September 2019, MESTECC telah mengutuskan surat kepada Kementerian Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia dan menyatakan hasrat untuk mengadakan mesyuarat di Jakarta bagi membincangkan isu jerebu merentas sempadan tetapi cadangan ini tidak mendapat sebarang maklum balas.

MESTECC juga telah mengutuskan surat kepada Menteri Lingkungan Hidup dan Kehutanan Indonesia, TYT Dr. Ir. Siti Nurbaya Bakar pada 6 November 2019, untuk menyusul dan mendapat maklumat lanjut berkaitan penglibatan syarikat Malaysia dalam menyebabkan masalah

NO. SOALAN : 127

jerebu merentas sempadan. Namun begitu, pada masa kini, surat tersebut belum dibalas oleh pihak Indonesia.

Walau bagaimanapun, Malaysia berpendirian bahawa pihak Indonesia berhak untuk mengambil tindakan undang-undang ke atas mana-mana syarikat atau individu yang melakukan pembakaran terbuka di negara tersebut berlandaskan peruntukan undang-undang domestik yang dikuatkuasakan.

Sekian, terima kasih.